

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 25 Julai 2025



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN MEI 2025

**Prospek ekonomi Malaysia kekal positif,  
dengan Indeks Pelopor mencatatkan marginal 0.04 peratus pada Mei 2025**

**PUTRAJAYA, 25 Julai 2025** – Ekonomi Malaysia menunjukkan tanda-tanda pertumbuhan sederhana, dengan Indeks Pelopor (IP) merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.04 peratus tahun ke tahun, mencapai 113.7 mata pada Mei 2025 (**Paparan I**). Perkara ini diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui penerbitan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Mei 2025** yang diterbitkan pada hari ini. IP memberi petunjuk awal tentang titik perubahan dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Dalam satu kenyataan rasmi, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa, "Peningkatan marginal 0.04 peratus ini dipacu oleh pengukuhan berterusan dalam Import Benar Semi Konduktor (19.1%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (15.9%). Walau bagaimanapun, prestasi positif ini telah diimbangi oleh penurunan dalam empat komponen lain, menjadikan peningkatan keseluruhan agak sederhana. Pada asas bulanan, IP turut mencatatkan peningkatan 0.1 peratus, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan 0.5 peratus dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan".

Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Mei 2025, IP kekal berada di bawah 100.0 mata (**Paparan II**). Namun begitu, prospek ekonomi Malaysia dijangka

kekal menyederhana dalam masa terdekat, disokong oleh pelonggaran dasar monetari yang berpotensi merangsang permintaan domestik dan menggalakkan pelaburan swasta meskipun berdepan ketidaktentuan global.

Berhubung prestasi ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mencatatkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus, mencecah 127.7 mata pada Mei 2025 berbanding 126.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh peningkatan yang meluas merentasi semua komponen terutamanya Nilai Caruman Benar, KWSP (4.3%). Namun demikian, prestasi bulanan IS mencatatkan penurunan 0.1 peratus disebabkan oleh penyusutan hampir kesemua komponen IS kecuali Kapasiti Penggunaan dalam Pembuatan dan Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit, masing-masing mencatatkan peningkatan 0.2 peratus.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**25 JULAI 2025**

## LAMPIRAN I

### Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



### Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor

